

BERITA HARIAN

DATE: | /12/2009

Silibus BTN 1Malaysia

BH-1/12/09
Pengisian dikaji semula agar sesuai dihadiri semua kaum

KUALA LUMPUR: Kabinet bersetuju untuk merombak semula kurikulum kursus Biro Tata Negara (BTN) supaya lebih inklusif dan tidak membelah-bahagikan rakyat negara ini mengikut kaum sejajar dengan konsep 1Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz berkata, perkara itu sudah diputuskan dalam mesyuarat Kabinet beberapa minggu lalu dalam usaha memastikan kursus BTN tidak tertumpu kepada satu kaum sahaja.

"BTN adalah jabatan yang baik tapi kita kena tukar kurikulumnya kerana sekarang (konsep) 1Malaysia.

"Pada saya, kurikulum yang ada tidak selaras dengan apa yang Perdana Men-



“BTN adalah jabatan yang baik tapi kita kena tukar kurikulumnya kerana sekarang (konsep) 1Malaysia”

Nazri Aziz
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri

teri mahukan dan jika kita bercakap berhubung integrasi kaum, tidak boleh hanya satu kaum yang menghadiri kursus itu, sebaliknya kaum lain juga dijemput," katanya di lobi Parlimen, semalam.

Beliau percaya Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan sudah mengarahkan BTN untuk membuat rombakan itu.

Sementara itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ahmad Maslan menegaskan beliau belum mendapat sebarang arahan Kabinet berhubung perubahan kandungan silibus dalam kursus BTN.

Beliau bertanggungjawab terhadap portfolio BTN mengakui bahawa kandungan modul, ceramah dan kursus yang dilaksanakan badan ber-

kenaan menepati apa yang dikehendaki kerajaan termasuk gagasan 1Malaysia.

"Semua kursus dalam BTN mendapat pengiktirafan ISO 9001, jadi macam mana ada orang mendakwa bahawa ia tidak inklusif serta tidak menepati gagasan 1Malaysia. Dulu pada zaman Tun Dr Mahathir Mohamad, ia dilaksanakan ke arah mencapai Wawasan 2020," katanya.

Minggu lalu, kerajaan Selangor mengharamkan kakitangannya dan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) milik penuh kerajaan negeri mengikuti program BTN.

Arahan itu dikeluarkan kerana BTN didakwa sekadar sesi 'membasuh otak' yang sengaja diada-adakan oleh Barisan Nasional (BN) tanpa memberi sebarang kebaikan.